

NO. SOALAN: 47

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KETIGA BELAS (2016)
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' SRI HASAN BIN MALEK
[KUALA PILAH]**

TARIKH : 31 OKT 2016 (ISNIN)

SOALAN:

Dato' Sri Hasan bin Malek [Kuala Pilah] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah jangka panjang dan proaktif pihak JAKIM dalam memastikan segala usaha, bantuan dan kerjasama yang diberikan kepada komuniti Islam di negara lain terutamanya di rantau Asia Tenggara mampu memberikan kesan serta nilai impak yang terbaik.

JAWAPAN : (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa peka dan komited dalam usaha untuk menyalurkan bantuan dan kerjasama terutamanya kepada komuniti minoriti Islam di negara lain khususnya di rantau Asia Tenggara bagi menyebarkan usaha dakwah dalam memajukan umat Islam di peringkat global.

Sehubungan itu, Kerajaan melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dengan kerjasama negara anggota telah mengadakan satu Pertemuan Tahunan Tidak Rasmi Menteri-menteri Agama Negara Brunei Darussalam, Republik Indonesia, Malaysia dan Republik Singapura (MABIMS) yang merupakan satu organisasi yang diwakili oleh pemimpin agama Islam gabungan empat negara serantau. Platform ini bertujuan untuk membincangkan hal-hal berhubung kerjasama dan kesepakatan dasar-dasar agama Islam demi menjaga kepentingan umat Islam di peringkat serantau tanpa mencampuri urusan politik negara anggota. Menerusi MABIMS para ulama dan umara negara anggota bertukar-tukar pengalaman dan kepakaran dalam pelbagai bidang seperti perkongsian fatwa, rukyah dan takwim, pengurusan haji, pensijilan halal, pembangunan belia, pembasmian kemiskinan dan sebagainya. Negara anggota MABIMS juga aktif melibatkan diri dalam pembangunan umat Islam menerusi program-program sosial dan kemanusiaan di dalam mahupun di negara jiran MABIMS. Antara program tersebut ialah Projek Pembangunan Sosial dan Kemanusiaan MABIMS di Kemboja.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bantuan Kerajaan yang diberikan kepada komuniti minoriti Islam serantau seperti Negara Maldives, Filipina, Kemboja dan negara anggota MABIMS ialah dari sudut latihan teknikal yang melibatkan aspek Pengurusan Masjid dan Profesionalisme Imam, Pengurusan Falak, Pengurusan Halal, Pendidikan Islam, Pengurusan Zakat dan Waqaf dan Pengurusan Haji;

Sekian, terima kasih.